

4 penyangak kebas 17 lembu

Pencuri haiwan ternakan di Ayer Hitam, Johor dicekup di Melaka



TAHAN...sebahagian lembu yang dibawa menaiki lori ditahan di sebuah kampung di Sungai Petai, Alor Gajah.

Berdasarkan maklumat, polis menyerbu sebuah rumah di kampung itu dan menahan dua suspek berusia antara 20 dan 29 tahun bagi membantu siasatan.

Hasil siasatan lanjut kemudian membawa kepada penahanan dua lagi suspek

telefon bimbit dan dua kad

52 tahun di kampung sama," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, selain sebuah

sim, kunci sebuah lori turut dirampas.

"Lori jenis Toyota Hino itu disyaki digunakan untuk

ALOR GAJAH: Empat penyangak tidak sempat berjoli dengan hasil lembu dicuri apabila dicekup pihak berkuasa di sebuah kampung di Sungai Petai, di sini, awal pagi semalam.

Difahamkan, empat lelaki warga tempatan berusia antara 20 hingga 52 tahun itu mencuri 17 lembu di sebuah ladang ternakan di Ayer Hitam, Johor, Rabu lalu.

Sindiket itu dipercayai mencuri lembu berkenaan berikutan permintaan tinggi daripada peraih yang membeli daging dengan harga murah sebelum menjualnya mengikut harga pasaran.

Sumber berkata, dalam kejadian jam 9 pagi itu, seorang penterak lembu berusia 42 tahun membuat laporan polis di Ayer Hitam apabila mendapati semua lembunya hilang.

"Bertindak atas maklumat itu, beberapa anggota dari Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat, Johor, berjaya mengesan penyangak terbabit di daerah ini, jam 12.15 tengah malam tadi (semalam).

Berdasarkan maklumat, polis menyerbu sebuah rumah di kampung itu dan menahan dua suspek berusia antara 20 dan 29 tahun bagi membantu siasatan.

mengangkat lembu yang dicuri dan terdapat kesan pecah pada lampu depan sebelah kanan.

"Suspek kemudian menunjukkan lokasi lembu dicuri itu dan mendakwa sebahagian daripada binatang berkenaan sudah dijual atau disebelih," katanya.

Kata sumber itu, beberapa lembu yang ditemui dirampas, manakala semua suspek ditahan untuk tindakan lanjut.

Harian Metro difahamkan, dua suspek lain turut ditahan bagi membantu siasatan kes itu mengikut Seksyen 379, Kanun Keseksaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Umar Ali Shaifuddin Shaharuddin mensesahkan perkara berkenaan dan kes disiasat oleh IPD Batu Pahat.